

Unsur Alam Dalam Peribahasa Iban (Jaku' Sempama): Satu Analisis Semantik Inkuisitif

(Elements of Nature in Iban Proverbs (Jaku' Sempama): An Inquisitive Semantics Analysis)

RUSSEL DUNDANG ANAK JEFFREY* & MARY FATIMAH SUBET

Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jalan Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: russeldundang@gmail.com

ABSTRAK

Penggunaan peribahasa dalam masyarakat Iban menggambarkan bahawa masyarakat ini juga turut menjaga kesantunan berbahasa dalam memberikan teguran, nasihat atau sindiran kepada orang lain. Unsur-unsur yang digunakan dalam peribahasa juga mencerminkan dan memaparkan budaya yang terdapat pada masyarakat ini dengan mengaplikasikan pengalaman dan pengamatan mereka terhadap alam sekeliling. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis unsur alam dalam jaku' sempama Iban menggunakan analisis semantik Inkuisitif. Kajian ini berpandukan dua objektif iaitu menyenaraikan dan mengenal pasti peribahasa Iban (*jaku' sempama*) yang mengandungi unsur alam dalam penciptaannya dan menganalisis akal budi dan falsafah masyarakat Iban dalam penciptaan peribahasa Iban (*jaku' sempama*) dengan menggunakan semantik Inkuisitif. Unsur alam tersebut akan dibahagikan kepada 4 domain iaitu haiwan, tumbuhan, sumber atau tenaga, dan alam semesta. Kajian ini ialah kajian kualitatif. Data korpus diperoleh dan 2 informan ditemu bual. Analisis dalam kajian ini turut menggunakan pendekatan semantik inkuisitif bagi menjelaskan makna, kognitif dan memasukkan falsafah serta akal budi masyarakat Iban berkenaan peribahasa yang dipilih. Kajian ini juga memasukkan ilmu daripada bidang lain dalam mencungkil persoalan penggunaan unsur alam dalam peribahasa Iban. Hasil kajian mendapati terdapatnya falsafah di sebalik penciptaan sesuatu peribahasa masyarakat Iban yang dapat dikaitkan dengan budaya masyarakat yang mendukung peribahasa tersebut.

Kata kunci: Akal budi, falsafah, *jaku' sempama*, masyarakat Iban, semantik inkuisitif,

ABSTRACT

The use of proverbs in Iban community illustrates that the community exercise language politeness in giving reproach, advice or insinuation to others. The elements used in the proverbs also reflect and describe the culture of this community by applying their experiences and observations to the environment. This study is conducted to analyze the natural elements in Ibans' proverbs using inquisitive semantic analysis. This research is based on two objectives, namely listing and identifying Ibans' proverbs (jaku' sempama) which contain elements of nature in the creation and to analyzing the mind and philosophy of Iban community in the creation of proverbs (jaku' sempama) by using inquisitive semantics as the theoretical framework. The natural elements identified are divided into 4 domains, namely animals, plants, resources or energy, and the universe. This is a qualitative research. Corpus data is gathered and two informants were interviewed. The meanings of the proverbs, the cognitive and the philosophy behind the creation of the proverbs plus the intellects of the Iban community are incorporated to reveal the Iban ingenuity behind the creation of a particular proverb. This study also incorporated knowledge from other areas in giving answers on the use of the natural elements identified in the Iban proverbs. Findings show that there are hidden philosophy behind the creations of the proverbs and this philosophy can be attributed to the culture of the community that behold the proverbs.

Keywords: Inquisitive semantic, Iban ingenuity, philosophy, jaku' sempama, Iban community,

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons Attribution-NonCommercial-ShareAlike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.


PENGENALAN

Penggunaan peribahasa dalam pertuturan masyarakat dahulu juga dapat memaparkan nilai sosial dan kebudayaan sesuatu masyarakat bahasa. Bukan sahaja masyarakat Melayu, masyarakat Iban juga menggunakan peribahasa bagi tujuan yang sama. Masyarakat Iban mengenali peribahasa ini sebagai *jaku' sempama*. Rangkap kata yang diatur dalam *jaku' sempama* ini menggambarkan pandangan masyarakat Iban dahulu terhadap dunianya dan perkara ini menyebabkan berlakunya hubungan antara bahasa dan pemikiran. Penggunaan *jaku' sempama* dalam masyarakat Iban menggambarkan gaya pemikiran yang kreatif masyarakat berkenaan sehingga terhasilnya akal budi dan falsafah yang terkandung dalam makna peribahasa Iban.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini ialah kajian kualitatif. Dalam pemilihan sampel, pengkaji telah menggunakan data korpus yang diperolehi daripada buku *Jaku' Dalam* yang disusun oleh Ensiring dan Saleh (2009). Buku tersebut mengandungi 9464 jenis jaku dalam bahasa Iban yang terdiri daripada *jaku' sempama*, *jaku' sema*, *jaku' silup* dan *jaku' dalam rama*. Namun, bagi keperluan kajian ini, pengkaji hanya memilih 4 *jaku sempama* yang mempunyai penggunaan unsur alam sahaja yang setiap satu data itu mewakili unsur haiwan, tumbuhan, sumber tenaga dan alam semesta (cakerawala).

Penganalisan makna dilakukan secara tiga peringkat menggunakan pendekatan semantik inkuisitif Nor Hashimah Jalaluddin (2014) seperti di Rajah 1:



Rajah 1 : Rumusan Pendekatan Semantik Inkuisitif.

(Sumber: Diadaptasi daripada Jalaludin, 2014)

*(dalam kajian ini kata Melayu ini diubah kepada Iban untuk disesuaikan dengan kajian)

PERBINCANGAN

Data 1 (haiwan)

Jadual 1: Peribahasa Iban yang menggunakan unsur haiwan (Ayam).

Peribahasa	Makna
<i>Manuk mati keberuran di tibang padi</i>	<i>Seranta' pengidup ba' menua ke kaya laban ngelusu' gawa'</i>
Terjemahan: Ayam mati kebuluran di kepuk padi	Terjemahan: Kehidupan yang miskin di negeri yang kaya kerana malas bekerja

Pemaknaan pada tahap semantik skrip yang dibawa oleh peribahasa di atas ialah kehidupan yang miskin di negeri yang kaya kerana malas bekerja (Jadual 1). Makna harfiah ini dikaitkan dengan sifat pemalas seseorang yang tidak mengambil kesempatan di depan mata. Hal ini digambarkan dengan ayam yang mati kebuluran di tepi tempat menyimpan padi. Dari aspek semantik resonans pula, secara kognitif, gambaran yang cuba diberikan kepada manuk atau ayam dalam peribahasa ini ialah tentang sifat malas. Sifat malas ini dijelaskan dalam peribahasa di atas kerana manuk atau ayam tersebut tidak memakan padi-padi yang terkandung dalam tibang padi atau kepek padi walaupun ayam ini berada dekat dengannya. Akal budi yang terkandung di dalam peribahasa tersebut dapat diserlahkan pada tahap semantik inkuisitif dengan menjawab beberapa persoalan.

Persoalannya kenapa ayam itu boleh mati sedangkan terdapat sumber makanan yang banyak? *Tibang* padi atau kepek padi merupakan bekas yang besar untuk penyimpanan padi. Padi yang sudah kering dijemur akan disimpan di dalam *tibang* ini tadi. Dalam peribahasa tersebut memperlihatkan *tibang* ini dilambangkan sebagai sumber rezeki yang banyak kerana isinya ialah padi. Jadi, jumlah padi yang banyak disimpan di dalam tibang tersebut memperlihatkan usaha gigih seseorang itu dalam melakukan aktiviti penanaman padi. Hal ini kerana dalam proses penanaman padi ini, tenaga dan masa yang lama serta kegigihan dalam mengerjakannya amat diperlukan. Pelbagai proses perlu dilakukan sebelum mendapatkan hasil tuaian padi. Dimulakan dengan aktiviti *nebas* iaitu membersihkan kawasan penanaman padi dan jika kawasan padi itu ialah kawasan baharu maka upacara *miring* perlu dilakukan untuk memastikan kawasan tersebut selamat dan meminta kebenaran untuk melakukan penanaman padi di kawasan tersebut (Gedat, Mustafa, Wahab, Osman dan Kamil, 2017). Kemudian, proses menyemai benih padi yang dikenali sebagai *ngelujung* digunakan sekiranya benih disemai di atas tanah kering manakala *nguhik* digunakan sekiranya benih disemai di sebuah batas yang dibuat dengan menggunakan tanah becak. Seterusnya, proses *betambak* iaitu proses menanam padi dan diikuti dengan proses *ngetau* iaitu proses menuai padi yang telah masak. Walaupun begitu, setiap pekerjaan ini tidaklah dilakukan berseorangan kerana dalam masyarakat Iban mereka mengamalkan kerja secara *bedurok* atau bergotong-royong. Mereka akan bergilir-gilir *bedurok* antara satu sama lain.

Oleh itu, seseorang itu tiada alasan untuk tidak dapat melakukan pekerjaan tersebut cuma sifat malas sahaja yang menghalangnya. Kenapa pula ayam dijadikan perlambangan sifat malas seseorang manusia dalam peribahasa tersebut? Kalau dahulunya, semua haiwan ternakan masyarakat Iban tidak diletakkan di dalam kandang kerana akan dibiarkan berkeliaran di bawah rumah panjang. Selalunya, ayam peliharaan akan diberi makan oleh tuannya. Maka, ayam itu akan sentiasa menanti makanan daripada tuannya dan ayam peliharaan ini juga selalunya tidak dapat terbang tinggi kerana apabila dilihat pada saiz badan ayam yang besar, sayapnya tidak mampu membawa beban badannya untuk terbang di udara. Hal ini juga dapat dikaitkan dengan saiz *tibang* yang begitu besar. Ayam tersebut hanya mampu melihat *tibang* yang berisi padi tersebut namun tidak dapat mencapai padi yang terkandung di dalam *tibang* itu. Dengan melihat 3 peringkat makna bermula peringkat semantik skrip ke semantik resonans dan seterusnya analisis peringkat semantik inkuisitif telah memperlihatkan akal budi dan falsafah masyarakat Iban dalam penciptaan peribahasa ini.

Data 2 (tumbuhan)

Jadual 2: Peribahasa Iban yang menggunakan unsur tumbuhan (Padi).

Peribahasa	Makna
<i>Baka padi ti' direndam, ampa' aja' ke melepong</i>	<i>Mensia ti' jai' selalu magi diri' ari orang ke manah</i>
Terjemahan: Seperti padi yang direndam, hampa sahaja yang terapung	Terjemahan: Orang yang jahat selalu mengasingkan diri daripada orang yang baik.

Data 2 di Jadual 2 memperlihatkan perlambangan padi dalam peribahasa Iban. Makna harfiah jelas iaitu jika padi direndam, hampanya sahaja yang timbul kerana ringan. Dari segi kognitifnya, analisis semantik resonans memaparkan makna peribahasa di atas juga mempunyai falsafah di sebaliknya. Padi menunjukkan konotasi yang negatif. Walaupun negatif, namun secara kognitifnya, jelas memperlihatkan padi sangat bernilai dalam masyarakat Iban bukan sahaja sebagai sumber makanan, malah dijadikan perbandingan status dan dihormati kerana mereka

percaya padi merupakan hasil yang diberkati oleh nenek moyang mereka. Hal ini kerana mereka mempercayai nenek moyang mereka yang menjelma menjadi embun dan menyuburkan padi mereka. Oleh itu, mereka menganggap padi merupakan nenek moyang mereka (*padi aki' ini' kami*) (Sather, C., 2012). Dalam konteks falsafah hidup masyarakat Iban, padi merupakan hasil penat-lelah seorang pesawah yang membanting tulang demi mendapatkan sumber makanan yang mencukupi.

Kajian Noraini Abdul Shukor dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2016) menjelaskan bahawa peribahasa yang berunsurkan padi dalam masyarakat Melayu juga boleh dikaitkan sebagai tanda rezeki yang boleh dikaitkan dengan usaha yang gigih dan sabar, sifat bersederhana dan bersyukur, dan sifat suka bersedekah. Perkara yang sama dapat dilihat dalam masyarakat Iban. Ketinggian nilai padi dalam masyarakat Iban dapat dilihat dengan pelbagai upacara atau perayaan yang berkaitan dengan padi. Misalnya, Gawai Benih, Gawai Ngalihka Tanah (atau *Manggol*) (*Soil Ploughing Festival*), Gawai Ngemali Umai (*Farm-healing Festival*) dan Gawai Matah. Setiap gawai-gawai ini mempunyai fungsi tersendiri. Sebagai contoh, Gawai Ngemali Umai merupakan upacara yang dilakukan untuk merawat semula kawasan penanaman yang telah rosak disebabkan oleh serangga perosak yang akan dijalankan oleh *dukun umai* (Sather, 1980). Di samping itu, kebaikan padi juga jelas dilihat dari sudut pemakanan. Padi yang telah diproses menjadi beras merupakan sumber makanan yang penting bagi masyarakat di Asia umumnya kerana memberikan tenaga untuk melakukan kerja-kerja seharian yang berat. Dalam kajian sains pemakanan menyatakan kebaikan beras sebagai satu langkah dalam pencegahan dan perawatan penyakit diabetes. Makanan dengan indeks glisemik tinggi telah dikaitkan dengan peningkatan risiko diabetes, kerana ia cepat dicerna dan boleh menyebabkan peningkatan dramatik dalam tahap gula darah (Rohman, Helmiyati, Hapsari dan Setyaningrum, 2014).

Analisis peringkat inkuisitif menunjukkan padi melambangkan orang-orang yang baik manakala hampunya melambangkan orang-orang yang jahat. Dalam peribahasa ini, kenapa padi ini dikaitkan dengan orang yang jahat padahal padi itu melambangkan rezeki? Selalunya, apabila kita memasak nasi beras akan tenggelam di dalam air manakala hampa akan terapung di atas air. Hampa mudah terapung kerana sudah tidak mempunyai biji beras di dalamnya. Selalunya, hampa akan ditumbuk dan menjadi sekam. Hampa perlu dibuang supaya tidak dimasak sekali dalam nasi. Di sinilah letaknya akal budi masyarakat Iban yang mendukung peribahasa ini. Orang jahat selalunya akan mengelompokkan diri mereka dan sering kali menganiayai orang yang baik. Orang yang jahat juga merasakan diri mereka betul dan lebih hebat daripada orang lain. Dalam masyarakat Melayu juga memperlihatkan elemen padi digunakan bagi perlambangan yang positif. Misalnya 'jangan ikut resmi lalang, makin tinggi makin menegak, lebih baik ikut resmi padi, makin tinggi makin menunduk'.

Data 3 (sumber tenaga)

Jadual 3: Peribahasa Iban yang menggunakan unsur sumber/tenaga (Besi).

Peribahasa	Makna
<i>Arang abis, besi enda bepijar</i>	<i>Rugi pechuma ketegal tua nya' ka ke orang ke nadai ati ke tua</i>
Terjemahan: Arang habis, besi tidak berfajar	Terjemahan: Rugi percuma kerana kita menginginkan seseorang yang tidak mahu dengan kita

Seterusnya, makna skrip bagi peribahasa seperti di Jadual 3 menerangkan tentang seseorang yang hanya menyukai seseorang yang tidak menyukai mereka semula. Perkara tersebut digambarkan dengan elemen arang dan besi. Arang merupakan sisa kehitaman yang terhasil daripada karbon tidak tulen yang telah melalui proses penyingkiran air dan merupakan bahan mudah terbakar selain daripada bahan haiwan dan tumbuhan. Dari segi kognitifnya, arang dalam peribahasa di atas dikaitkan dengan pekerjaan melebur besi. Kehabisan arang yang dikaitkan dengan makna peribahasa di atas merujuk kepada harapan yang sia-sia kerana orang yang disukai tidak merasakan perasaan yang sama sepertimana dirasai diri mereka.

Oleh itu, kerja meleburkan besi tidak akan dapat dilakukan kerana proses meleburkan besi memerlukan suhu yang tinggi sekali gus penghasilan alat-alatan berasaskan besi juga tidak dapat dilakukan. Jika dijelaskan dalam perhubungan manusia, kesefahaman dan toleransi penting dalam menjalinkan perhubungan antara lelaki dan perempuan. Sama seperti arang yang diperlukan sebagai bahan pembakar untuk meleburkan besi. Kini, arang bukan

hanya dijadikan sebagai bahan pembakar malah turut digunakan dalam bidang kosmetik, perubatan serta penyaringan dan penapisan. Misalnya, dalam bidang kosmetik buluh akan dijadikan sebagai sumber untuk mendapatkan arang dengan memotongkan buluh berkenaan kepada cebisan kecil dan kemudian akan direbus untuk membersihkannya. Penggunaan arang dalam bidang kecantikan ini bertujuan untuk menggunakan keberkesanan sifat serapan yang terdapat dalam arang sehingga ke skala mikroskopik (Stearn, 2007). Manakala, dalam bidang perubatan, arang dahulunya di Barat dijadikan sebagai ubat gastrik dalam bentuk biskut tetapi kini ubat yang diperbuat daripada arang boleh dimakan dalam bentuk tablet, kapsul atau serbuk untuk merawat kesan pencernaan (Stearn, 2007). Manakala, besi merupakan logam yang dihasilkan dari bijih besi, dan jarang dijumpai dalam keadaan unsur bebas. Besi dalam peribahasa di atas merupakan besi yang digunakan dalam penghasilan senjata atau perhiasan dalam masyarakat Iban seperti pembuatan parang *ilang*. Dahulunya, masyarakat Iban juga menghasilkan parang *ilang* yang digunakan untuk tujuan *ngayau* atau berburu. Pembuatan parang *ilang* ini memerlukan seseorang yang mahir dalam bidang tersebut dan dalam masyarakat Iban tukang besi dikenali sebagai *tukang kambuh*. Penghasilan parang *ilang* dan juga peralatan lain yang bersumberkan besi memainkan peranan yang sangat penting dalam budaya masyarakat Iban. Sebagai contoh digunakan dalam adat perkahwinan, istiadat kelahiran bayi, istiadat pembinaan rumah panjang dan istiadat musim menanam padi (Joan, 2015). Di samping itu, parang *ilang* ini juga merupakan lambang kekuasaan dan kekuatan seseorang pahlawan Iban. Parang *ilang* ini mempunyai kekuasaan dan keajaiban disebabkan berpunca daripada tukang kambuh atau pemilik senjata itu sendiri. Contohnya jika parang *ilang* itu ditatah dengan tembaga (tatahan menggunakan nombor ganjil: 3, 7, 8 dan 9) dipercayai mampu membunuh seseorang yang kebal (Joan, 2015). Oleh itu, parang *ilang* merupakan warisan yang sangat bernilai dalam masyarakat ini.

Kenapa dalam masyarakat Iban perkataan arang dan besi dapat dikaitkan dengan usaha seseorang? Hal ini perlu ditinjau dari aspek akal budi masyarakat ini. Arang digunakan untuk menyalakan api bagi proses membuat pedang. Api digunakan untuk meleburkan besi yang digunakan untuk menempa parang. Jika arang habis maka penempaan parang tersebut tidak dapat diteruskan. Kata *bepijar* atau berjajar itu memperlihatkan warna atau cahaya yang dikeluarkan oleh besi semasa diletakkan pada unggunan api. Dalam menjalinkan perhubungan, kedua-dua belah pihak antara lelaki dan perempuan haruslah saling suka namun jika hanya sebelah pihak sahaja yang suka maka hal itu ibarat cinta yang tidak terbalas. Justeru, masyarakat Iban melambangkan perhubungan itu dengan cahaya yang dihasilkan oleh besi ketika dileburkan dengan api dan menganggap kehabisan arang itu sebagai perhubungan yang tiada sambungannya.

Data 4 (cakerawala)

Jadual 4: Peribahasa Iban yang menggunakan unsur alam semesta (Bulan).

Peribahasa	Makna
<i>Baka tungguk ke nyabak ke bulan</i>	<i>Ngining orang ke bajik, tauka orang ke sigat tang enda' ditemu sekalika iya nya' bisi' baikka nadai ati ke kitai ke pengining nya'</i>
Terjemahan: Seperti burung pungguk menangis kepada bulan	Terjemahan: Menginginkan seseorang yang cantik atau kacak tetapi tidak diketahui orang itu mempunyai perasaan yang sama atau tidak

Peringkat semantik skrip memaparkan peribahasa di Jadual 4 pada tahap harfiah sangat jelas. Dari segi kognitifnya pula, kenapa tungguk atau burung pungguk menangis kepada bulan yang telah diberikan pemaknaan pada tahap semantik skrip. Burung pungguk merupakan spesies burung hantu yang aktif pada waktu malam dan sering berbunyi seperti oo-uk...ooo-uk... berulang kali pada waktu senja dan subuh. Selalunya, burung ini gemar mencari mangsanya pada waktu malam. Oleh itu, kenapa masyarakat Iban mengaitkan burung pungguk itu menangis dengan keinginan seseorang? Ternyata, wujudnya akal budi masyarakat Iban yang diselit di sini. Akal budi ini perlu ditelusuri untuk menjawab persoalan sebab burung tungguk atau pungguk dan bulan digunakan dalam peribahasa ini. Terdapat cerita rakyat dari Kalimantan Tengah yang menceritakan tentang bulan dan burung pungguk. Kisahnya ialah tentang seorang isteri yang diubah menjadi burung pungguk kerana terlalu bersedih akibat suaminya yang telah kembali ke tempat asalnya di bulan (Fansuri, Rampai, Sahay, dan Rohan, 1994). Hal ini berlaku kerana si isteri telah menghidangkan lauk yang dimasak daripada ari-ari bayi mereka sebagai santapan suaminya selepas pulang dari memburu. Oleh sebab si suami tidak menyangka kelakuan isterinya itu, si suami pun menyeru kepada ibunya yang

berada di bulan untuk mengambilnya kembali ke bulan. Pemergian si suami itu menyebabkan si isteri menangis sepanjang hari dan bayi mereka juga turut meninggal serta jenazahnya hilang tanpa jejak. Oleh sebab dewa mereka berasa jengkel mendengar si isteri menangis, lalu diubahnya menjadi burung pungguk. Perkara itulah yang menyebabkan pada setiap malam bulan purnama, burung pungguk akan menangis. Masyarakat Iban juga mempunyai cerita yang sama seperti ini maka wujudlah peribahasa ini. Selain itu, di bahagian Kalimantan juga terdapat masyarakat Iban yang mempunyai adat resam dan tradisi yang sama seperti diamalkan oleh masyarakat Iban di Sarawak. Kejadian burung pungguk yang menangis setiap malam agar suaminya pulang ke bumi digambarkan oleh masyarakat Iban seperti seseorang yang menaruh harapan kepada seseorang lelaki atau wanita yang belum tentu akan menyukai mereka semula. Situasi burung pungguk yang menangis dan rindukan suaminya dikaitkan dengan sifat manusia yang ingin memiliki seseorang yang cantik atau kacak tetapi orang itu tidak pasti mempunyai perasaan yang sama seperti mereka. Keadaan inilah yang memberi makna di peringkat inkuisitifnya.

KESIMPULAN

Kajian yang melibatkan peribahasa dan fungsinya telah banyak menyerlahkan falsafah dan akal budi yang tersingkap dalam pemaknaan yang telah dicipta masyarakat terdahulu. Aspek ini sememangnya mencerminkan kehidupan masyarakat terdahulu yang kaya dengan khazanah dan warisan yang bernilai. Di samping itu, pengkajian peribahasa juga menyerlahkan cara berfikir dalam sesebuah masyarakat. Penciptaan sesebuah peribahasa memerlukan ketajaman akal dalam mengaitkan unsur-unsur yang akan seiring dengan makna yang dibawa sekali gus memperlihatkan fungsi peribahasa tersebut sebagai medium penyampaian nilai dan pengajaran kepada masyarakat. Penciptaan peribahasa dalam masyarakat Iban memperlihatkan pengamatan dan penelitian yang sangat teliti terhadap alam sekeliling mereka.

Justeru, kajian peribahasa Iban yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif sangat berguna dalam menelusuri makna yang tersirat dalam sesuatu peribahasa serta menonjolkan akal budi dan falsafah. Setiap unsur-unsur yang diteliti memperlihatkan perkaitan yang sangat erat dengan budaya masyarakat Iban. Di samping itu, pendekatan semantik inkuisitif juga menambah baik kajian makna pada peringkat semantik skrip dan semantik resonans, misalnya pemaknaan yang diberikan dalam sesuatu peribahasa tidak hanya dicipta secara sewenang-wenangnya malah memerlukan tahap kognitif yang tinggi untuk dikaitkan. Selain itu, pendekatan inkuisitif membolehkan pengkajinya mengaitkan sesuatu elemen dengan bukti-bukti saintifik.

RUJUKAN

- Ensiring, J. & Saleh, R. M. (2009). *Jaku' dalam*. Kuching, Malaysia: Tun Jugah Foundation.
- Fansuri H. A. et. al. (1994). *Cerita rakyat dari Kalimantan Tengah*. Jakarta, Inodnesia: PT Gramedia Widiasarana Indonesia.
- Gedat, R., Mustafa, R., Wahab, H.A., Osman, W.R.M., & Kamil, S.M. (2017). Kearifan tempatan: Deskripsi dan terminologi tentang 'padi' dalam masyarakat Iban di Sarawak. Pembentangan kertas di *The International Conference on Language Studies 2017 (iCLS 2017)*, Kuching, Malaysia.
- Jalaludin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Joan, A. (2015). *Seni pembuatan ilang dan nyabur: Kebanggaan dan simbol masyarakat Iban di Sarawak*. Kota Samarahan, Malaysia: UNIMAS Publisher.
- Noraini Abdul Shukor & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2016). Padi sebagai tanda dalam peribahasa Melayu. *Jurnal Melayu*. 15(1), 26-49.
- Rohman, A., Helmiyati, S., Hapsari, M., & Larasati Setyaningrum, D. (2014). Rice in health and nutrition. *International Food Research Journal*, 21(1), 12-18.
- Sandin, B. (1980). *Iban adat and augury*. Penang, Malaysia: Universiti Sains Malaysia.
- Sather, C. (2012). Recalling the dead, revering the ancestors: Multiple forms of ancestorship in Saribas Iban society. In P.Couderc & K. Sillander (Eds.), *Ancestors in Borneo Societies: Death, Transformation, and Social Immortality* (pp. 114-152). Copenhagen, Denmark: NIAS Press.
- Sather, C. (1980). Symbolic elements in Saribas Iban rites of padi storage. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. 53(2), 67-95.
- Stearn, M. (2007). *Warts and all: Straight talking advice on life's embarrassing problems*. London, England: Murdoch Books.